


AKHBAR	BH	MUKA SURAT	10
HARI & TARIKH	18/1	RUANGAN	nasional

IS DALANG BOM DI JAKARTA

10 Nasional BH 18/1/2016

# Henti buat spekulasi keselamatan negara



**Anggota polis menjaga keselamatan di pintu masuk Petaling Street**

yang menjadi tumpuan orang ramai, termasuk pelancong asing, semalam. (FOTO SADDAM YUSOFF/BH)

» **Nafi dakwaan di WhatsApp militan senarai lokasi lancar serangan**

Oleh Suzianah Jiffar, Zanariah Abd Mutalib, Siti Azila Alias dan Meor Ahmad Nasriin Rizal  
bhnews@bh.com.my

• Kuala Lumpur

**K**etua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar mahu semua pihak berhenti membuat spekulasi mengenai tahap keselamatan di Malaysia, khususnya di bandar raya ini kerana boleh memutuskan kerungsingan rakyat.

Katanya, orang ramai tidak perlu bimbang kerana polis sentiasa bersedia sedia dan meletakkan keselamatan negara sebagai keutamaan.

Khalid memberi peringatan

itu menerusi laman Twitter-nya semalam, susulan penyebaran dakwaan menerusi laman sosial yang secara spesifik menyenaraikan lokasi di ibu negara yang kononnya menjadi sasaran serangan kumpulan pengganas.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Tajudin Md Isa ketika dihubungi BH, turut menafikan dakwaan tersebar di aplikasi WhatsApp, kononnya militan IS sudah menetapkan beberapa tempat di ibu negara untuk melancarkan serangan.

“Setakat ini tiada laporan Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengenai ancaman serangan itu. Jadi, saya minta orang ramai tidak terpengaruh dengan kenyataan yang tidak dapat dipastikan kesahihan, sebaliknya hubungi pihak polis.

## Sentiasa pantau

“Bagaimanapun, kami sentiasa melakukan pemantauan, meningkatkan rondaan serta kawalan di tempat tumpuan ramai. Anggota kami cukup, dua kali ganda daripada jumlah

anggota polis yang ditugaskan pada hari biasa,” katanya sambil memberi jaminan tahap keselamatan di ibu negara dalam keadaan terkawal.

Sementara itu, Ketua Komunikasi Korporat PDRM, Asisten Komisioner Datin Asmawati Ahmad, menegaskan polis tidak pernah mengeluarkan senarai lokasi sasaran pengganas, cuma memaklumkan mengenai tahap siap siaga pasukan itu dalam aspek pengawasan serta kawalan keselamatan.

“Polis memandang berat penyebaran berita sebegini kerana ia membangkitkan kegusaran dan ketakutan masyarakat secara keterlaluan. Masyarakat dinasihatkan tidak mudah percaya dan berhenti berkongsi berita yang boleh membangkitkan keresahan, khususnya yang bukan dikeluarkan agensi keselamatan,” katanya.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor ketika ditemui selepas merasmikan Kempen Kibar Bendera Wilayah Perse-

kutuan di Putrajaya semalam, berkata kementerianya bekerjasama erat dengan pihak berkuasa bagi meningkatkan kawalan keselamatan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

## Bantuan pasukan tentera

Sambil menyenaraikan lokasi yang diberi tumpuan, termasuk pusat beli-belah, lokasi tumpuan pelancong dan acara keramaian seperti Bukit Bintang, Bangsar, Menara Kuala Lumpur, The Curve, Solaris Dutamas dan Publika, beliau berkata, pihaknya juga akan mendapatkan bantuan pasukan tentera untuk berkawal jika perlu.

“Saya sudah minta agensi di bawah kementerian supaya bersedia siaga, berhati-hati dan meningkatkan kawalan di tempat keramaian dan bangunan. Kita akan tambah anggota penguat kuasa untuk bersama-sama pasukan polis, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM),” katanya.

Di **Kota Kinabalu**, Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman, meminta PDRM terus meningkatkan kawalan keselamatan di negeri itu selain sentiasa bersedia siaga, manakala semua pihak, termasuk rakyat diminta bekerjasama serta menyalurkan maklumat kepada pasukan keselamatan jika mengesan aktiviti mencurigakan.

“Insiden di Jakarta adalah sesuatu yang menyedihkan dan dikesali. Susulan itu, saya minta Pesuruhjaya Polis Sabah (Datuk Abd Rashid Harun) supaya (PDRM) sentiasa berjaga-jaga dan berwaspada bagi mengelak perkara tidak diingini dan agar keadaan keselamatan di negeri ini terjamin,” katanya.

Sementara itu, Abd Rashid berkata, Polis Sabah meningkatkan segala usaha untuk memastikan kawalan keselamatan terjamin, termasuk berbincang dengan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) bagi meningkatkan kawalan keselamatan di Zon Selamat Sabah Timur (ESSZONE).